

11.7.2019

Sektor ekonomi yang lebih spesifik juga dirangka untuk pembangunan luar bandar. Selain itu, pembangunan badai memajukan pemukiman infrastruktur tenaga, mesra dan teknologi, memperkakan perkhidmatan seperti pelan-angan, logistik, industri halal dan pertanian, membangunkan smart city dan merangka isi perma-han secara holistik.

Kesemua itu membolehkan hasrat kerajaan negeri menjadikan Johor sebuah negeri maju, progresif, moden dan dinamik. Melalui tiga kelestarian alam sekitar, kerajaan Johor berusaha memastikan pembangunan lestari dan mengawal korosakan alam sekitar demi kesejahteraan rakyatnya. Ia memfokuskan kelangsungan sumber alam agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Pengurusan sisa pepejal menerusi kaedah *zero to energy* dan *zero to landfill*, pengurusan tenaga boleh diperbaharui, adalah antara agenda yang memerlukan daya saing dalam pembangunan teknologi di dalam negeri, selari dengan agenda peninjaman pengurusan tenaga.

Antara usaha terbaharu ialah penubuhan Majlis Rendah Karbon Negeri Johor yang mempunyai matlamat untuk mempepori insentif rendah karbon dan teknologi hijau dalam perancangan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampan.

Kerajaan Johor juga komited menyediakan rancangan prasarana pelaburan yang lengkap dalam menarik pelaburan bernilai tinggi yang akan menjadi 'catalyst' perubahan teknologi dan meningkatkan daya saing serta pembangunan bakat di Johor.

Secara langsung, ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi terutamanya dalam sektor ekonomi kreatif dan digital. Insentif ini juga boleh mengukang migrasi anak-anak Johor ke negara lain dengan memberi tumpuan dalam industri kecil dan Sederhana (IKS) dan keusahawanan.

Pembelajaran masyarakat yang memerlukan seperti golongan berpendapatan rendah, orang kurang upaya dan warga emas adalah agenda yang sentiasa diberi penekanan dalam pelan pembangunan ini. Ia memperluaskan keseriusan kerajaan negeri dalam mendukung ketahanan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam arus pemodenan negeri.

Kerajaan Johor berhasrat untuk membangunkan pusat idea, memperkasa keusahawanan sosial, membabitkan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO), pihak korporat dan rakyat secara keseluruhan dalam menjadikan pembangunan Johor sebagai negeri berprestasi tinggi.

Selain itu, kerajaan Johor berhasrat memberi penumpuan kepada pemerkasaan dan pemodenan sistem pendidikan termasuk pendirian Islam. Di samping itu, ke-



Projek Pemegang Integrated Complex siap dibina pada Mac 2019 dan dijangka mula beroperasi pada Oktober 2019. [Foto Ihsan Petronas]

Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 adalah dokumen rujukan komprehensif untuk memacu pemerkasaan ekonomi yang dinamik dan memastikan kesejahteraan sosial.

kebolehan anak muda terutamanya di dalam sektor ekonomi kreatif, digital dan sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sebenarnya, Johor mempunyai segala ramuan dan resipi terdedia yang menjadi pemangkin pembangunan dan pemodenan Johor. Antaranya termasuk Johor mempunyai kekayaan sumber alam, kedudukan yang strategik, prasarana terancang dan sistematik, pembangunan modal insan, sistem tadbir urus terbaik, kestabilan politik serta keharmonian sosial.

Malah kestabilan politik Johor ditandai dengan keprihatinan dan menjadikan Johor untuk menjadikan Johor sebuah negeri maju, moden dan progresif. Pada masa sama, baginda mahu seluruh rakyat Bangsa Johor meng-

kal dan mempertahankan kestabilan politik dan sosial.

Hakikatnya, sejak sekian lama, Johor berjaya mengekalkan kestabilan ini berdasarkan slogan 'Mustafak Itu Berkat'.

Dalam memastikan Johor yang maju dan seimbang, pendidikan adalah instrumen yang sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan Johor. Kerajaan negeri berusaha membangunkan potensi generasi muda dalam bidang kemahiran menerusi pelbagai program latihan jangka pendek dan jangka panjang.

Johor meraikan pembangunan modal insan dalam kalangan generasi muda dan pembangunan wanita. Kejayaan dalam pelaksanaan program pembangunan keluarga, masyarakat dan negara, wanita adalah tulang belakang utama yang sentiasa dihargai oleh pihak kerajaan.

Sebagai buaian, pelan ini bukanlah suatu khayalan atau retorik politik, malah kerajaan negeri akan memastikan segala perancangan menerusi Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan dengan kaedah sistematik dan pendekatan berstruktur.

Seluruh jentera kerajaan negeri, termasuk kesemua pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan serta agensi persekutuan akan digerakkan bagi merealisasikan pelan ini. Dalam pada itu, pelan pembangunan ini akan terus mendapatkan maklum balas dari ra-

kyat Johor secara berterusan menerusi pelbagai medium.

Kerajaan negeri sedar bahawa pelaksanaan pelan ini tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang erat daripada semua pihak, terutamanya di peringkat akar umbi. Justeru, kejayaan pelan pembangunan ini banyak disumbangkan oleh pelbagai 'stake holders' termasuklah sokongan daripada rakyat.

Kesimpulannya, Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 adalah dokumen rujukan komprehensif untuk memacu pemerkasaan ekonomi yang dinamik dan memastikan kesejahteraan sosial.

Hakikatnya, bagi setiap kerajaan yang memerintah, pemilihannya perlu mempunyai wawasan untuk menyejahterakan rakyat dan pembangunan negara. Johor maju dan makmur sudah tentu akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi rakyat.

Pelan ini juga dijangka mampu memperkukuhkan perancangan pelan pembangunan RMKe-12. Jelajanya, pelaksanaan program pembangunan ini memerlukan sokongan Kerajaan Persekutuan dengan belanjawan yang besar bagi memastikan hasrat Johor menjadi negeri berprestasi tinggi, sekali gus Bangsa Johor yang bestari tercapai.

Johor yang maju, moden dan makmur akan memperkukuh kekayaan, kesejahteraan dan kestabilan negara.